



TEKS

KHUTBAH

NEGERI PAHANG

SIRI 04/2025



MEMPERKUKUH UKHUWAH DAN SILATURRAHIM

04 APRIL 2025 | 05 SYAWAL 1446H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿١٠﴾
 أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
 اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
 أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah Subhanahu wa-Ta'ala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Marilah kita bertakwa kepada Allah Taala dengan sebenar-benar takwa dengan melaksanakan segala perintah Allah Taala dan menjauhi segala larangan-Nya agar kita memperolehi kejayaan hidup di dunia ini mahupun di akhirat nanti.



Pada bulan syawal yang mulia ini, marilah kita membina dan memperkukuh ukhuwah dan silaturrahim sesama umat Islam. Sesungguhnya Islam adalah agama yang menitikberatkan persaudaraan dan kasih sayang sesama manusia. Tanpa ikatan ini, hidup kita akan dipenuhi sengketa dan permusuhan. Firman Allah Taala dalam surah al-Hujurat, ayat 10:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ ۚ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ

Yang bermaksud: “Sesungguhnya orang mukmin itu bersaudara, maka damaikanlah antara dua saudaramu (yang bertelingkah) dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu mendapat rahmat.”

Ayat ini menegaskan bahawa setiap muslim itu bersaudara. Oleh itu, kita dituntut untuk menjaga hubungan yang harmoni dan mendamaikan sebarang persengketaan agar timbul kasih sayang dan persefahaman sesama kita.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam juga melarang keras terhadap mereka yang memutuskan hubungan silaturrahim dengan ancaman neraka terhadap mereka seperti hadis riwayat daripada Imam al-Bukhari dan Imam al-Muslim:

لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ قَاطِعٌ

Yang bermaksud: “Tidak akan masuk syurga orang yang memutuskan silaturrahim.”

Hadis ini memberikan peringatan yang tegas bahawa memutuskan hubungan silaturrahim adalah berdosa besar dan terhalang daripada memasuki syurga.



Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Sejarah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam membina persaudaraan Islam dalam kalangan Sahabat semasa mula berhijrah ke Madinah adalah contoh terbaik dalam membina silaturrahim. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menyatukan kaum Muhajirin dan Ansar. Pada awalnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam mempersaudarakan di antara sesama muhajirin yang berhijrah ke Madinah sebagaimana Baginda memulakan dirinya dengan mempersaudarakannya dengan Saidina Bilal ibn Rabah Radiallahu Taala Anhu. Seterusnya mendamaikan persengketaan yang telah berlaku sekian lama di antara kaum Aus dan Khazraj serta mempersaudarakan sesama mereka dengan nama Ansar yang bermaksud penolong (agama Allah). Setelah itu dipersaudarakan pula di antara golongan Muhajirin dan Ansar. Maka bertambahlah kekuatan dan kesepaduan umat Islam di Madinah di bawah kepimpinan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dengan panji Islam.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Terdapat banyak kelebihan membina silaturrahim dalam Islam. Di antaranya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menjanjikan kemurahan rezeki dan keberkatan umur dengan dipanjangkan umurnya atau dikurniakan keberkatan hidup seperti sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis riwayat Imam al-Bukhari dan Imam Muslim:

مَنْ أَحَبَّ أَنْ يُبْسَطَ لَهُ فِي رِزْقِهِ وَيُنْسَأَ لَهُ فِي أَثَرِهِ فَلْيَصِلْ رَحْمَهُ



Yang bermaksud: *“Sesiapa yang ingin dilapangkan rezekinya dan dipanjangkan umurnya, maka hendaklah ia menyambung silaturrahim.”*

Untuk membina silaturrahim, terdapat banyak pendekatan yang diajar dalam Islam sebagai panduan hidup muslim. Amalan ziarah menziarahi sanak saudara dan sahabat handai adalah sangat berkesan dalam membina silaturrahim sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam berkaitan menjaga hubungan baik dalam hadis riwayat Imam al-Bukhari:

لَا يَحِلُّ لِمُسْلِمٍ أَنْ يَهْجُرَ أَخَاهُ فَوْقَ ثَلَاثِ لَيَالٍ

Yang bermaksud: *“Tidak halal bagi seorang muslim memutuskan hubungan dengan saudaranya lebih dari tiga hari.”*

Dengan ziarah menziarahi, kita dapat memperbaiki hubungan yang renggang, bahkan menunjukkan kepedulian kita terhadap orang yang diziarahi. Di samping berziarah, bawalah bersama hadiah dan buah tangan sebagai pemberian mesra tanda ingatan dan kasih sayang. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dalam hadis riwayat Imam al-Bukhari yang bermaksud: *“Berilah hadiah, nescaya kamu akan saling mencintai.”*

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Mengeratkan silaturrahim juga dapat dilakukan dengan memaafkan kesalahan orang lain. Sering terjadi keretakan hubungan, dendam dan hasad dengki adalah kerana perselisihan kecil dan salah faham. Contohilah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hal memaafkan orang lain walaupun terhadap seseorang yang pernah menyakiti baginda.



Amalkanlah budaya memberikan ucapan yang baik, dan saling mendoakan kerana amalan tersebut menunjukkan ketulusan hati terhadap saudara kita. Demikian juga, Islam mensyariatkan budaya memberi dan menjawab salam sesama muslim apabila mereka bertemu dan berpisah untuk memupuk hubungan persaudaraan yang kukuh. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis riwayat Imam Muslim yang bermaksud:

“Kamu tidak akan masuk syurga sehingga kamu beriman, dan kamu tidak akan beriman sehingga kamu saling mencintai. Mahukah aku tunjukkan kepada kamu sesuatu yang jika kamu lakukannya, kamu akan saling mencintai? Sebarkanlah salam antara kamu.”

Demikian juga dalam konteks negara majmuk, kita juga digalakkan menjalinkan hubungan dengan masyarakat bukan Islam terutama jiran tetangga dan sahabat handai walaupun berbeza agama.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Kesimpulannya silaturrahim adalah merujuk kepada usaha menjalin dan memperkukuh hubungan kasih sayang, persaudaraan, serta ikatan ukhuwah antara sesama manusia.

Marilah kita memperkukuh ukhuwah dan silaturrahim dengan menjaga keharmonian dan mendamaikan persengketaan antara sesama muslim. Ikutilah contoh terbaik yang ditunjukkan oleh Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam iaitu dengan mempersaudarakan muhajirin dan ansar. Yakinlah, Allah Taala menjanjikan ganjaran besar terhadap mereka yang menjaga silaturrahim, antaranya dengan ganjaran dimudahkan rezeki, dipanjangkan umur dan diberikan keberkatan hidup!



Kuatkanlah silaturrahim dengan cara memberi kemaafan, saling ziarah menziarahi, biasakan memberi hadiah dan saling mendoakan serta membudayakan memberi salam. Semoga kita semua sentiasa dilimpahi kasih sayang Allah Taala.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ مِنْهُمَا رِجَالًا كَثِيرًا وَنِسَاءً وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي تَسَاءَلُونَ بِهِ وَالْأَرْحَامَ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيبًا ﴿١١﴾

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.